


Oleh Presiden Thomas S. Monson



Adakah Kita Sedia?

Pada satu kawasan yang pernah saya tinggal dan melayan, Gereja menjalankan satu projek ladang ayam, dikerjakan oleh para sukarelawan dari bahagian-bahagian tempatan. Kebanyakan masa ia satu projek yang berkesan, membekalkan rumah stor uskup beribu-ribu biji telur yang segar dan beratus-ratus paun daging ayam. Tetapi, ada masanya untuk menjadi pekebun sukarela bandar mendatangkan lepuh pada tangan dan juga kekecewaan hati dan minda.

Sebagai contohnya, saya akan selalu ingatkan masa kami himpulkan para remaja putera Imamat Harun untuk membersihkan tempat itu. Kumpulan kami yang bersemangat dan bertenaga berkumpul di situ dan dengan cepatnya mencabut, mengumpul, dan membakarkan banyak rumpai dan sampah sarap. Dengan nyala dari unggun api, kami makan hot dog dan mengucapkan tahniah kepada satu sama lain ke atas satu kerja yang berjaya.

Tetapi, timbulnya satu masalah. Bunyi dan api itu mengganggu 5,000 ekor ayam di situ sehingga kebanyakan mereka salin bulu dan henti bertelur. Selepas itu, kami menahan beberapa rumpai supaya kami dapat memperoleh lebih banyak telur.

Tidak seorang ahli Gereja pun yang akan lupa atau berasa kesal ke atas pengalaman untuk memberi pertolongan kepada orang yang berkeperluan. Untuk menjadi berindustri, jimat cermat, bergantung pada diri sendiri, dan berkongsi dengan orang lain bukan satu perkara yang baru bagi kita.

Kita harus ingat bahawa sistem rumah stor yang paling baik adalah untuk setiap keluarga dalam Gereja

memperolehi bekalan makanan, pakaian, dan jika mampu, keperluan kehidupan lain. Rumah stor Tuhan termasuk masa, bakat, kemahiran, belas kasihan, bahan pembaktian, dan kewangan dari para ahli Gereja yang beriman. Sumber-sumber ini sedia ada bagi para uskup untuk menolong orang yang berkeperluan.

Kami menegaskan bahawa semua Orang Suci Zaman Akhir untuk menjadi hemat dalam rancangan mereka, untuk menjadi konservatif dalam kehidupan mereka, dan untuk mengelakkan hutang yang berlebihan atau yang tidak diperlukan. Banyak orang boleh menahan kesukaran kewangan jika mereka mempunyai bekalan makanan dan pakaian serta bebas dari hutang. Hari ini kita mendapati bahawa banyak orang memperbalikkan nasihat ini: mereka berhutang dan tidak mempunyai makanan simpanan.

Saya ulangkan apa yang diumumkan oleh Presidensi Utama beberapa tahun dahulu:

“Orang-orang Suci Zaman Akhir sudah dinasihati buat banyak tahun untuk bersedia demi kesukaran dengan menyimpan wang. Menyimpan wang akan menambahkan jaminan dan kesihatan hidup. Setiap keluarga mempunyai satu tanggungjawab untuk membekal demi keperluannya mengikut kemampuan.

“Kami menggalak kamu di mana pun kamu berada di dunia ini untuk membuat persediaan demi kesukaran dengan menimbangkan keadaan kewangan kamu. Kami menasihati kamu untuk berhemat dalam pembelajaran kamu; berdisiplin dalam pembelian kamu untuk mengelakkan hutang. Bayar balik hutang secepat mungkin, dan bebaskan

diri sendiri dari perhambaan ini. Simpan sedikit wang dengan perlahan-lahan untuk membina satu simpanan.”¹

Adakah kita sedia untuk menghadapi kecemasan dalam hidup kita? Adakah kemahiran kita sempurna? Adakah kita hidup dengan hemat? Adakah kita mempunyai pembekalan simpanan? Adakah kita patuh kepada perintah Tuhan? Adakah kita ikut ajaran-ajaran para nabi? Adakah kita sedia untuk memberikan barang kita kepada orang yang miskin dan yang berkeperluan? Bolehkah kita menghadapi Tuhan?

Kita tinggal dalam satu zaman yang bergelora. Kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa depan; jadi, kita sepatutnya bersedia demi ketidakpastian. Apabila masa untuk membuat keputusan sampai, masa untuk membuat persediaan sudah lalu.

NOTA

1. Presidensi Utama, *All Is Safely Gathered In: Family Finances* (risalah, 2007).

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Timbangkan keperluan mereka yang kamu kunjungi, timbangkan cara kamu boleh menolong mereka untuk menjadi lebih bergantung pada diri sendiri dalam pekerjaan, kewangan, simpanan makanan, atau persediaan kecemasan. Fikirkan satu kemahiran yang kamu boleh kongsi dengan mereka, seperti perkebunan atau pengurusan kewangan, yang akan menguasai mereka untuk mengikut nasihat Presiden Monson.

REMAJA

Saya Melayan Lagi

Oleh Jaïne Araújo

Pada satu hari, selepas habis satu projek pelayanan, saya berjalan kaki lalu bangunan gereja kami dan ternampak dua orang saudari sedang membersihkan bangunan itu. Saya kata: “Saudari, kamu perlukan

bantuan?” Salah seorang mereka bersenyum dan memberitahu bahawa saya sampai pada masa yang sesuai kerana hanya merekalah yang membersihkan bangunan itu dan mereka sangat letih. Dia kata dia sudah berdoa kepada Tuhan untuk menghantarkan bantuan. Saya berasa gembira untuk menjadi jawapan bagi doanya. Saya baru habis memberi pelayanan kepada orang lain dan juga berasa letih, tetapi saya ikut hati saya dan melayan lagi.

Untuk bekerja dengan gembira ialah satu perintah (lihat A&P 24:7). Apabila kita berhasrat untuk selalu melayan, kita boleh melakukan mukjizat dalam kehidupan orang lain. Kehidupan kita menjadi lebih bererti apabila kita melayan. Tuhan benar-benarnya menyayangi kita, Dia menolong setiap orang anak-Nya, dan Dia akan berikan kita kekuatan untuk melayan.

Pegarang ini tinggal di Rio Grande do Norte, Brazil.

KANAK-KANAK

Adakah Kamu Sedia?

Jawapan: Betul, Betul, Salah, Betul, Salah

Presiden Monson sudah suruh kita untuk membuat persediaan demi masa kesusahan dan untuk menolong orang lain semasa masa kesusahan mereka. Cuba kan kuiz ini dan tengok jika kamu sedia!

Saya boleh mencari orang yang perlu bantuan. Betul Salah

Saya boleh bersyukur demi semua yang sudah saya miliki. Betul Salah

Saya tidak mempunyai bakat untuk dikongsikan dengan orang lain. Betul Salah

Menyimpan wang untuk masa depan ialah satu idea baik. Betul Salah

Saya perlukan barang permainan dan pakaian baru untuk menjadi gembira. Betul Salah



Iman, Keluarga, Pertolongan

Misi Ilahi Yesus Kristus: Penolong

Kajikan bahan ini dengan berdoa dan carikan perkara untuk dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang hidup dan peranan Juruselamat boleh meningkatkan iman kamu kepada Dia dan memberkat mereka yang kamu jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian dalam satu siri Pesanan Pengajaran Berkunjung yang memberi keutamaan kepada aspek misi Juruselamat.

Yesus Kristus menjamin, “Aku tidak akan meninggalkan kamu sendirian seperti yatim piatu; Aku akan kembali kepada kamu” (Yohanes 14:18). Dia akan berikan kita “kesukaan serta kegembiraan, dan bukan kedukaan, lagu pujian, dan bukan kesedihan” (Yesaya 61:3). Kerana Kristus menderita Penebusan untuk kita semua, Dia tidak akan lupa kita. “Juruselamat kita sudah menanggung ke atas diri sendiri . . . kesakitan, penderitaan dan kesusahan kita supaya Dia boleh tahu perasaan kita dan cara untuk menyenangkan hati kita,” kata Linda S. Reeves, penasihat kedua dalam presidensi Umum Lembaga Pertolongan.¹

Mengetahui bahawa Kristus akan menyenangkan hati kita boleh mendatangkan keamanan dan mengilhamkan kita untuk mengikut teladan-Nya dengan melayan orang lain. Presiden Thomas S. Monson kata: “Ilmu injil kita dan kasih sayang

kita terhadap Bapa Syurgawi dan Juruselamat kita akan menyenangkan hati kita dan menyokong kita serta mendatangkan kebahagiaan kepada hati kita semasa kita berjalan tegak dan mematuhi perintah. Tidak ada sebarang perkara dalam dunia ini pun boleh mengalahkan kita.”²

Dari Tulisan Suci

Yohanes 14:18, 23; Alma 7:11–13; Ajaran dan Perjanjian 101:14–16

Dari Sejarah Kita

Elaine L. Jack, presiden umum Lembaga Pertolongan ke-12 berkata: “Melalui pengajaran berkunjung, kita menghulurkan tangan kepada satu sama lain. Tindakan kita mengucapkan perkara yang tidak dapat diucap dengan perkataan. Satu pelukan yang mesra mengucapkan banyak perkara. Satu ketawa menyatukan kita. Satu masa perkongisan memperbaharui jiwa kita. Kita tidak dapat selalu mengangkat beban orang yang mengalami kesukaran, tetapi kita boleh mengangkat orang itu supaya dia lebih mampu memikul beban itu.”³

Para saudari peneroka Lembaga Pertolongan kita “memperolehi kekuatan rohani dari kasih sayang dan belas kasihan terhadap satu sama lain. . . . Semasa mereka menderita cubaan kesakitan dan kematian, mereka berdoa dengan beriman untuk satu sama lain dan menyenangkan hati satu sama lain. ‘Kasih sayang Tuhan bercurah dari hati ke hati,’ catat Helen Mar Whitney, ‘sehingga si jahat tidak berkuasa dalam usahanya untuk memisahkan kami dan Tuhan, dan cubaan kejahannya tidak mendatangkan kedukaan.”⁴

NOTA

1. Linda S. Reeves, “The Lord Has Not Forgotten You,” *Ensign* atau *Liahona*, Nov. 2012, 120.
2. Thomas S. Monson, “Be of Good Cheer,” *Ensign* or *Liahona*, Mei 2009, 92.
3. Elaine L. Jack, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 119.
4. *Daughters in My Kingdom* 63.

Merenungkan perkara-perkara berikut

Bagaimana pemahaman bahawa Tuhan ingatkan kamu boleh mendatangkan kesenangan hati?